

## Ucapan Alu-aluan

**Yang Berbahagia  
Tan Sri Dr. Ir. Ahmad Tajuddin Ali, FASc  
Pengerusi, CIDB Malaysia**

**Majlis Pelancaran Hari QLASSIC 2018**

**Grand Ballroom, Hotel Renaissance Kuala Lumpur  
16 Ogos 2018 (Khamis)**

---

Para tetamu kehormat,  
Wakil-wakil media,  
Tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati sekalian,

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan Salam Sejahtera.

1. Alhamdulillah, setinggi-tinggi kesyukuran dirafakkan ke hadrat Illahi, kerana dengan limpah rahmat, izin dan kurnia-Nya dapat kita bersama-sama meraikan **Majlis Hari QLASSIC 2018**.

2. Terlebih dahulu, saya ingin menzahirkan penghargaan kepada **Yang Berhormat Tuan Baru Bian, Menteri Kerja Raya**, kerana sudi meluangkan masa untuk bersama-sama meraikandan merasmikan majlis pada hari ini. Bagi pihak Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB), saya berbesar hati dengan sokongan yang diberikan oleh Yang Berhormat, sebagai Menteri Kerja Raya yang baharu. Pihak CIDB serta para penggiat industri pembinaan akan terus menyokong Kementerian Kerja Raya dalam mencapai visi untuk menjadi peneraju pembangunan infrastruktur dan industri pembinaan negara.

3. **Hari QLASSIC** merupakan sebuah acara tahunan untuk mempromosikan penggunaan sistem penilaian kualiti. Acara ini juga merupakan platform bagi mengiktiraf kejayaan penggiat industri pembinaan yang mencapai prestasi tinggi dalam mutu dan kualiti kerja pembinaan bangunan.

4. Dari tahun ke tahun pelaksanaan Hari QLASSIC, acara ini dilihat menarik minat para penggiat industri pembinaan untuk terlibat secara langsung. Bagi Hari QLASSIC 2018, acara ini terus dilaksana dengan kelangsungan penyampaian Anugerah pengiktirafan dan diakhiri dengan sesi perkongsian oleh penerima Anugerah 'Best of the Best QLASSIC Achievement Award'. Saya lihat penyertaan pada tahun ini amat memberangsangkan dengan jumlah peserta yang hadir pada hari ini.

5. Di kesempatan ini, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada semua agensi yang terlibat, tidak kira agensi kerajaan mahupun agensi swasta di atas sokongan dan penglibatan berterusan yang diberikan sepanjang pelaksanaan Majlis Pengiktirafan QLASSIC sejak tahun 2014.

6. Pada hari ini, saya ingin mengalu-alukan kolaborasi bersama dengan rakan strategik baharu iaitu **Bank Pembangunan Malaysia Berhad (BPMB)**. **Pemeteraian Memorandum Persefahaman (MoU)** antara **CIDB Malaysia** dan **BPMB** ini tertumpu kepada mendapatkan pengiktirafan Sistem Penilaian Kualiti Pembinaan (QLASSIC) bagi projek yang dilaksanakan oleh BPMB. Diharap agar lebih banyak agensi kerajaan dan swasta akan terlibat dan bersama-sama meneraju peningkatan kualiti industri pembinaan.

Hadirin yang saya hormati sekalian,

7. **Sistem Penilaian Kualiti Pembinaan** atau **QLASSIC**, merupakan sebuah tanda aras kualiti hasil kerja dalam pembinaan bangunan yang berlandaskan kepada *Construction Industry Standard (CIS 7)*. Selain daripada memudahkan proses pengawalan kualiti hasil kerja bagi sesebuah projek, QLASSIC juga boleh digunakan sebagai kriteria pematuhan kualiti bagi mengukur prestasi kontraktor.

8. Pengenalan QLASSIC berkait rapat dengan Program Transformasi Industri Pembinaan (CITP) 2016-2020, di bawah inisiatif teras strategik pertama iaitu Kualiti, Keselamatan dan Profesionalisme bagi meningkatkan penekanan kualiti dan pelaksanaan penilaian kualiti.

9. Untuk makluman hadirin sekalian, penilaian QLASSIC ini hanya boleh dilakukan sekali sahaja, iaitu berteraskan prinsip *Do it Right the First Time*. Sekiranya terdapat sebarang penambahbaikan selepas daripada penilaian dibuat, perubahan tersebut tidak akan diambil kira. Pemilik-pemilik projek yang biasa menggunakan QLASSIC mengetahui bahawa cara terbaik untuk mendapat skor yang tinggi adalah dengan melatih pasukan kualiti mereka sendiri di dalam penilaian QLASSIC. Ini membolehkan pemilik projek memantau kualiti dan membuat penilaian asas bagi memperkukuhkan kualiti, sebelum penilai QLASSIC yang dilantik oleh CIDB datang untuk memberi penilaian yang muktamad. CIDB sedia membantu mana-mana syarikat yang ingin mendapatkan latihan QLASSIC, kerana tujuan penilaian ini dilaksanakan adalah untuk membantu pemilik projek meningkatkan kualiti pembinaan projek masing-masing.

10. Suka saya berkongsi di sini bersama hadirin sekalian, mengenai peningkatan penglibatan penggiat industri pembinaan dalam mendapat pengiktirafan QLASSIC ke atas projek-projek mereka. Hal ini adalah kerana, jumlah projek yang mendapat skor QLASSIC 80% dan ke atas dilihat terus meningkat sejak QLASSIC dilaksanakan. Melihat kepada peningkatan positif tersebut, pihak CIDB Malaysia dalam perancangan untuk meningkatkan taraf skor QLASSIC sebagai pencetus semangat penggiat industri pembinaan untuk mempertingkatkan kualiti hasil pembinaan bangunan.

11. Dalam meneraju perubahan industri pembinaan, CIDB Malaysia mempergiatkan lagi usaha untuk menerima maklumbalas serta persepsi penggiat industri pembinaan, terhadap inisiatif-inisiatif yang dilaksanakan oleh CIDB.

12. Oleh yang demikian, buat pertama kalinya, Hari QLASSIC pada tahun ini CIDB menganjurkan sesi meja bulat bersama para pemimpin industri pembinaan, bagi membincangkan bagaimana industri ini boleh menerapkan kualiti sebagai budayanya.

13. Sesi meja bulat atau Captains of Industry Roundtable ini, akan dilaksanakan pada petang ini dan dipengerusikan oleh **Ketua Eksekutif CIDB, Yang Berbahagia Dato' Ir. Ahmad 'Asri Abdul Hamid**. Saya mengharapkan, sesi perbincangan ini dapat menjadi platform perbincangan yang positif serta memberi manfaat kepada para hadirin sekalian.

14. Sebelum saya mengundurkan diri, sekali lagi saya ucapkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Yang Berhormat Tuan Baru Bian, Menteri Kerja Raya di atas kesudian beliau untuk bersama-sama dalam meraikan pencapaian QLASSIC dan seterusnya merasmikan Majlis Hari QLASSIC 2018.

15. Sekalung tahniah juga saya zahirkan kepada penggiat industri pembinaan yang menerima pengiktirafan QLASSIC pada hari ini. Syabas saya ucapkan! Saya berharap agar lebih ramai lagi penggiat industri pembinaan akan menggunakan QLASSIC bagi menilai hasil projek pembinaan mereka. Ini sekaligus dapat mempertingkatkan kualiti dan mutu kerja industri pembinaan di Malaysia.

16. Semoga dengan majlis pengiktirafan yang dilaksanakan seperti pada hari ini, kami dapat membakar semangat hadirin sekalian untuk menjadi penggerak kepada mengalakkan rakan penggiat industri pembinaan yang lain agar mendapatkan pengiktirafan QLASSIC bagi projek-projek pembinaan mereka.

Sekian, terima kasih.

**#####**